

PRAGMATIK DALAM PENGINTERPRETASIAN MAKNA

Nor Hashimah Jalaluddin

PENDAHULUAN

Memahami sesuatu bahasa akan menjadi lebih sempurna jika penggunaan serta fungsi bahasa tersebut diambil kira. Maklumat fonologi, sintaksis dan semantik masih tidak menjadikan pemahaman pada sesuatu bahasa itu lengkap. Tiga maklumat asas linguistik ini hanya mampu memberikan pemahaman struktur bahasa tersebut tetapi tidak penggunaan dan fungsi bahasa berkenaan. Bagi menjadikan pemahaman yang lebih menyeluruh, kita memerlukan satu lagi ilmu yang bakal membantu kita memahami bahasa yang dikaji lebih sempurna. Ilmu yang dimaksudkan ialah ilmu pragmatik.

Ilmu pragmatik adalah ilmu tentang penginterpretasian makna. Ilmu pragmatik merupakan maklumat bukan linguistik yang bekerjasama dengan ilmu semantik bagi memberikan interpretasi makna dengan menyeluruh¹. Perbincangan di bawah akan menjelaskan lagi bagaimana kedua-dua ilmu semantik dan pragmatik beroperasi bersama bagi mendapatkan makna yang sempurna bagi bahasa yang dikaji. Bagi melicinkan lagi perbincangan ini, penggunaan ganti nama Melayu Sarawak dan Kelantan akan digunakan.

PERNYATAAN MASALAH

Persoalan pertama mengapa ganti nama yang dipilih? Ganti nama Melayu berbeza mengikut dialek jika dibandingkan dengan ganti nama Melayu standard². Perbezaan ini menarik jika dibincangkan dari kaca mata ilmu pragmatik. Jika diteliti pada ganti nama Sarawak, ganti nama kamek akan berfungsi bukan sahaja sebagai ganti nama pertama mufrad malah sebagai ganti nama pertama jamak juga. Begitu juga dengan ganti nama kita bagi dialek Kelantan.

Bagaimana masalah penentuan penggunaan ganti nama ini akan dipaparkan dalam perbincangan di bawah³.

Persoalan kedua, mengapa pendekatan pragmatik yang dipilih? Mengapa tidak ilmu sociolinguistik? Levinson dalam bukunya *Pragmatics* (1987) telah memberikan sempadan antara ilmu pragmatik, sociolinguistik dan psikolinguistik dalam menangani masalah penginterpretasian makna. Mengikut Levinson, ilmu pragmatik berada betul-betul di bawah ilmu linguistik tulen sementara ilmu sociolinguistik dan psikolinguistik berada di bawah ilmu pragmatik. Memandangkan dekatnya ilmu pragmatik dengan ilmu linguistik tulen berbanding dengan ilmu sociolinguistik, maka sudah tentu ilmu pragmatik lebih tepat dipilih menggandingi ilmu semantik dalam memberikan penginterpretasian makna⁴.

Selain daripada itu, cakupan ilmu sociolinguistik agak terhad pada faktor sosial sahaja dalam membantu menjelaskan penggunaan ganti nama. Contohnya, maklumat seperti latar belakang sosial, taraf hidup, umur, pekerjaan dan status adalah antara apa yang akan dilihat sebagai faktor yang mempengaruhi penggunaan ganti nama dalam sesuatu masyarakat. Ini berbeza sekali dengan ilmu pragmatik. Memandangkan ilmu pragmatik melibatkan ilmu bukan linguistik, ilmu ini bebas menggunakan apa sahaja maklumat bukan linguistik di samping maklumat linguistik yang dibekalkan oleh ilmu semantik dalam menginterpretasi makna. Jadi maklumat linguistik dan bukan linguistik akan sama-sama bekerjasama dan seterusnya membantu memberikan interpretasi yang sempurna bagi penggunaan ganti nama.

Dua persoalan di atas cukup bagi mewajarkan mengapa ganti nama yang dipilih sebagai korpus kajian dan mengapa pragmatik dipilih bukannya sociolinguistik.

PEMAPARAN DATA

Data yang akan digunakan merupakan data dialek Melayu Sarawak dan Kelantan. Sungguhpun data yang digunakan terhad kepada dua dialek sahaja, ia tetap dapat menyumbang sesuatu yang lebih mantap pada penghuraian bahasa Melayu secara amnya. Antara data yang akan diketengahkan ialah data yang menyangkut kekaburan makna ganti

nama, hadirnya ganti nama dwirujuk dan pewajaran kepada wujudnya pola ganti nama tertentu yang digunakan dalam perbualan.

Sebelum perbincangan teoretis dimulakan, adalah lebih baik jika disenaraikan ganti nama yang digunakan dalam kedua-dua dialek.

Ganti nama Melayu Sarawak⁵.

<i>Ganti nama</i>	<i>Mufrad</i>	<i>Jamak</i>
pertama	aku	kamek
	kamek	kita
kedua	kitak	kitak orang
	dirik	
	engkau/kau	
ketiga	nya	sidak
		sidaknya

Ganti nama Melayu Kelantan⁶

<i>Ganti nama</i>	<i>Mufrad</i>	<i>Jamak</i>
Pertama	saya	kita
	kita	demo ni
	hamba	
Kedua	awak	demo
	mu	
	demo	
Ketiga	dia	demo tu

Daripada jadual yang dipaparkan di atas ternyata wujudnya pengulangan penggunaan ganti nama yang sama kedua-dua dialek yang dibincangkan. Contohnya dalam ganti nama dialek Sarawak kamek wujud sebagai ganti nama mufrad dan jamak, nya boleh hadir dua kali dalam satu ujaran tetapi mempunyai berlainan fungsi. Sementara dalam ganti nama Kelantan pula, kita boleh bertindak sebagai ganti nama mufrad dan jamak juga. Ganti nama dia boleh mempunyai peranan dwirujuk. Perbincangan di bawah akan dapat menjelaskan bagaimana ganti nama ini bekerja dan bagaimana ilmu pragmatik dapat membantu menyelesaikan masalah penginterpretasian dan penggunaan ganti nama ini.

KEKABURAN GANTI NAMA

Yang dimaksudkan dengan kabur di sini ialah wujudnya penggunaan ganti nama yang sama tetapi mempunyai fungsi penggunaan yang berbeza. Kita lihat dahulu contoh kekaburan makna ini dalam dialek Melayu Sarawak.

- 1) A: *Kamek* nanggar orang *accident* tadi.
B: *Kamek* rasa teruk juaklah sidaknya.

- 2) A: *Kamek* anak beranak bukannya maok makan masakan macam ya.
B: *Kamek* pun. Bapak sidak tok lagilah.

Daripada dua contoh di atas, penggunaan ganti nama kamek boleh berfungsi sebagai ganti nama mufrad dan ganti nama jamak. Dalam (1), kamek berfungsi sebagai ganti nama mufrad. Ia dianggap formal berbanding dengan ganti nama aku yang lebih kerap digunakan dalam perbualan sehari-harian. Tetapi aku hanya boleh digunakan dalam perbualan antara ahli keluarga sahaja. Ini melambangkan keintiman hubungan ahli keluarga. Aku tidak boleh sekali-kali digunakan pada orang yang tidak dikenali atau bukan ahli keluarga⁷. Sebagai gantinya kamek digunakan. Berbeza pula halnya dengan contoh (2). Dalam (2), kamek digunakan sebagai ganti nama pertama jamak. Fungsi kamek sama dengan ganti nama kami dalam ganti nama Melayu standard.

Soalannya sekarang bagaimana dapat kita bezakan penggunaan kamek sebagai ganti nama pertama mufrad dan ganti nama pertama jamak. Di sinilah munculnya peranan ilmu pragmatik. Pragmatik yang hadir selepas ilmu semantik dengan membekalkan maklumat bukan linguistik dapat berganding bersama semantik bagi memberikan interpretasi yang sempurna.

Telah dinyatakan dalam ganti nama Sarawak ganti nama kamek adalah kabur. Contoh (1), kamek akan diinterpretasi sebagai ganti nama pertama jamak. Ini kerana tiada maklumat tambahan yang dapat membuktikan yang ganti nama ini adalah ganti nama jamak. Berlainan halnya dengan contoh (2). Maklumat anak beranak dalam ujaran tersebut akan secara automatik melambangkan jamak. Daripada perbualan lengkapnya, memang penutur merujuk kepada keluarga masing-masing. Mereka sedang menceritakan perihal makanan kegemaran mereka. Jadi di sini kamek akan lebih sesuai diinterpretasi sebagai ganti nama pertama jamak.

Kekaburan penggunaan ganti nama juga berlaku pada dialek Kelantan. Ganti nama yang dimaksudkan ialah ganti nama kita. Kita dalam dialek Kelantan boleh merujuk sebagai ganti nama pertama mufrad dan juga jamak. Contoh di bawah akan dapat memberikan gambaran sebenar:

- 3) A: Tak boleh turun lagi ke?
B: Kita pun dapat 50 sen saja. Kalau yang ni pulak, tak sampai 50 sen sehelai kita boleh
- 4) A: Beli kat Rantau Panjang 20 lebih aje
B: Bezalah dengan sini sebab kita bayar cukai lagi...
- 5) A: Pasal hargalah saya bimbang
B: Alah...sama-sama kita ni, tak apalah...yang hijau tu cantik dik.
- 6) A: Berapa ni?
B: Ginilah sebab sama-sama kitakan saya bagi 14 ringgit setengah.

Daripada empat contoh di atas, akan dijelaskan bagaimana ganti nama kita dikatakan kabur. Kita dalam dialek Kelantan memang boleh digunakan sebagai mufrad dan jamak. Soalnya sekarang bagaimana dapat dibezakan kedua-dua fungsi ganti nama ini.

Daripada pemerhatian dan konteks terlibat, masalah ini akan dapat di atasi dengan mudah. Dalam contoh (3) dan (4), kita akan tentunya merujuk kepada ganti nama pertama mufrad. Buktinya daripada perbualan di atas⁸, (B) yang bertindak sebagai penjual ialah menggunakan ganti nama kita. Daripada ujaran (3B) dapat dibayangkan yang penjual sedang bercerita keuntungannya. Lazimnya dalam berjual beli, penjuallah yang lebih banyak menceritakan perihal untung rugi perniagaan. Jadi dalam contoh ini, sudah tentu kita akan merujuk kepada dirinya sendiri dan bukannya ganti nama jamak.

Begitu juga dengan contoh (4), selalunya memang pekedai yang harus membayar cukai pakaian yang dibawa daripada luar negara (dalam kes ini, dari Siam), bukannya pembeli. Memandangkan barang yang diimport itu dicukai, maka harga barangan yang dijual di Kota Bharu akan lebih mahal jika dibandingkan dengan barang yang dijual di Rantau Panjang. Jadi penggunaan kita oleh (B) sudah tentu merujuk kepada dirinya sendiri. Kita di sini tidak akan memasukkan pembeli sekali. Maklumat membayar cukai adalah maklumat pragmatik yang dapat memudahkan kita menginterpretasi ujaran di atas dan sekaligus menyahtaksakan kekaburan ganti nama kita.

Dalam contoh (5) dan (6) pula, hal yang berbeza yang dapat disingkap. Dalam kedua-dua ujaran di atas, ungkapan sama-sama telah digunakan. Sama-sama adalah penanda yang akan menunjukkan jamak. Jadi ungkapan sama-sama kita, akan secara tidak langsung akan menggambarkan ganti nama jamak. Jadi dalam keempat-empat contoh di atas ganti nama kita boleh kerap bertukar fungsi. Maklumat konteks dengan bantuan ilmu pragmatik akan membantu kita menyelesaikan masalah kekaburan ujaran dengan tepat.

GANTI NAMA DWIRUJUK

Selain daripada menyelesaikan masalah kekaburan pada ganti nama, ilmu pragmatik juga dapat membantu menyelesaikan masalah dwirujuk. Yang dimaksudkan dengan dwirujuk ialah ganti nama yang sama boleh menduduki satu ujaran tanpa sebarang masalah. Masalah yang ditimbulkan ialah bagaimana kita memilih rujukan yang sesuai bagi ganti nama tersebut. Contoh ujaran di bawah akan dapat memberikan gambaran apa yang dimaksudkan dengan ganti nama dwirujuk.

Dialek Sarawak:

7) A: Nya baruk pencen hujung taun ya tek.

8) A: Nya madah dengan aku, ini bukunya

B: Buku geografi?

Dialek Kelantan:

9) A: Tak bolehlah sebab orang kirim, dia nak putih...Tak apalah kak, cuba cari tempat lain lagi.

10) A: Yang ni?

B: 55, baldi mahal sikit, kita bagi kuranglah, kalau kak nak, baru sampai.

11) A: Untuk budak besar ni.

B: Yang nilah-dia ke nak pakai....yang ni padan ni, trylah tak apa, kain dia tahan ni.

Dalam dialek Sarawak dan Kelantan masalah dwirujuk ini memang timbul. Nya dalam ganti nama Sarawak sama dengan dia dalam ganti nama Melayu standard. Ganti nama ini bertindak sebagai ganti nama ketiga mufrad. Begitu juga dengan ganti nama dia dalam dialek Kelantan. Yang membezakan kedua-dua ganti nama dialek Sarawak dan Kelantan

dengan Melayu baku ialah, kedua-dua ganti nama ini boleh mempunyai dua rujukan. Buktinya dalam contoh (8) ganti nama nya boleh wujud dua kali. Satu di permulaan ujaran dan satu lagi di penghujung ujaran. Bagaimana harus dipilih rujukan yang sesuai bagi ganti nama nya ini. Daripada maklumat nahu dan ditambah dengan maklumat konteks, nya yang hadir di permulaan ujaran selalunya akan dirujuk sebagai ganti nama ketiga mufrad yang sama tarafnya dengan dia dalam bahasa Melayu standard.

Buktinya ganti nama nya boleh digantikan dengan ganti nama dia dan hasilnya akan menampakkan ujaran yang munasabah. Sementara nya di penghujung ujaran akan bertindak sebagai ganti nama genitif yang sama dengan nya dalam ganti nama Melayu baku. Jadi nya di pangkal ujaran akan lebih menimbulkan kekeliruan berbanding dengan nya di penghujung ujaran. Tetapi dengan interpretasi berdasarkan ilmu semantik dan pragmatik masalah ini dapat diselesaikan dengan mudah.

Bagi dialek Kelantan pula, dia boleh merujuk kepada ganti nama [+ nyawa] dan [- nyawa] . Dapatan ini sekaligus menolak pendapat sesetengah penahu Melayu yang mengatakan ganti nama dia hanya boleh digunakan benda-benda [+ nyawa] khususnya manusia. Contoh dalam (9-11) menunjukkan ganti nama dia boleh digunakan pada benda-benda [+ nyawa] dan [- nyawa]. Contoh (9) jelasnya merujuk kepada manusia kerana hanya manusia yang pandai berkirim. Ini nyata daripada ujaran *ësebab orang kirimí* . Contoh (10) pula , ganti nama dia akan merujuk kepada jenis kain . Ini dibuktikan daripada ujaran yang diujarkan . Penjual sedang mengiklankan kainnya yang diperbuat daripada baldu dan mutunya adalah mutu yang baik. Tiada maklumat lain selain daripada mutu kain yang dibualkan. Jadi , sudah tentu dia akan merujuk kepada kain.

Masalah dwirujuk timbul apabila ganti nama dia wujud serentak dalam satu ujaran. Contoh (11) adalah contoh yang baik. Soalnya dia yang mana merujuk kepada [+ nyawa] dan yang [- nyawa]. Berdasarkan ilmu semantik yang memberikan makna di peringkat nahu dan ilmu pragmatik yang membekalkan maklumat tambahan bagi interpretasi yang sempurna, masalah ini dapat diselesaikan. Dia yang pertama pastinya merujuk kepada manusia kerana penjual merujuk kepada budak yang dirujuk oleh pembeli dalam ujaran awalnya. Tetapi dia yang kedua merujuk kepada ganti nama [- nyawa]. Buktinya

penjual cuba mengiklankan mutu kain seluar yang hendak dijualnya .Tambahan pula perkataan tahan digunakan, sudah pasti merujuk kepada kain bukannya manusia. Jadi, masalah dwirujuk dia dapat diselesaikan dengan mudah.

POLA GANTI NAMA

Selain daripada menyelesaikan masalah pentafsiran seperti kekaburan pada ganti nama, ilmu pragmatik juga mampu menjelaskan bagaimana penggunaan ganti nama beroperasi berdasarkan pada kepadaan penghuraian linguistik. Mengapa dan bagaimana satu-satu ganti nama digunakan dapat dijelaskan oleh ilmu pragmatik. Yang dimaksudkan dengan pola ganti nama ialah penggunaan ganti nama yang silih berganti. Penggunaan ini mempunyai sebab yang tersendiri mengapa ia terjadi demikian rupa. Pendapat ini boleh dikukuhkan dengan pendapat C.Kitagawa dan A.Lehrer (1990) yang mengatakan penukaran pola ganti nama ini adalah perkara yang biasa terutama dalam perbualan yang spontan . Pendapat mereka jelas dalam petikan di bawah :

Although person shift (we, you, one) within a text or utterances are considered stylistically inelegant , they do in fact occur frequently in spontaneous conversation testifying to their informational equivalence (1990: 741).

Biarpun pertukaran ganti nama ini menampakkan satu cara penggunaan yang kurang bergaya (inelegant), tetapi ia mempunyai fungsi yang tersendiri . Menurut mereka lagi, pertukaran ganti nama ini sebenarnya berfungsi dalam mengimbangi perbualan yang sedang berlangsung agar menjadi licin dan berkesan. Perhatikan contoh di bawah:

12) Pola ganti nama *kosong-kita-saya*:

A: Minta 10.

B: 10 tak dapat,.

A: Minta 11 lah 2...

B: Tak boleh kak

- A: Bolehlah, akak malas nak cari kat lain lagi.
- B: 20, 21, 22, 23, 24, dia harga lain. Dia tak sama kalau kita boleh bagi, kita bagi....
- A: Baju sekolah ni kalau 11 ringgit kak ambil 2. Bagi 5 ringgit dah adik oi...jauh cari baju sekolah, sampai ke sini.
- B: Pasal dah rezeki sayalah tu.
- A: Kalau 5 ringgit bolehlah.
- B: Tidak boleh, bagi 6 ringgitlah.

13) Pola ganti nama *kosong-saya*:

- A: Yang ni berapa ni?
- B: Yang ni 300 ringgit sepasang . Tapi boleh kurang lagi kalau nak.
- A: Berapa boleh kurang.
- B: Kalau kak nak, saya boleh bagi 270 ringgit.
- A: 250 ringgitlah.
- B: Tak boleh kak. Paling kurang saya boleh bagi 260 ringgit. Biasa saya jual 270 ringgit dengan 280 ringgit . Kalau nak banding dengan dulu mahal lagi ni. Saya sendiri jual 300 ringgit lebih. Tapi masa tu upah buat mahal padan dengan harganya. Sekarang pun mahal upahnya ni - tapi boleh kira sikitlah dari dulu.

14) Pola ganti nama *kita –saya*:

- A: 25 boleh.
- B: Tak boleh, ginilah kalau kak nak, kita bagi 32 lah.
- A: 25 lah.
- B: Mana boleh kak, kalau kak beli yang kulit keras ni, boleh bagilah 25. Saya tak cakat tipu kak. Nak cari mana kak macam ni, beg ni baru sampai tadi kak ni..

15) Pola ganti nama *kosong-kita-kosong-kita*

- A: Berapa ni?
- B: Sekodi ke dua, setakat sepuluhlah kalau nak banyak.
- A: Kurang lagi la.

- B: Harga kodi dah tu, harga niaga.
- A: Lain kali kalau laku kita ambil sini pulak.
- B: Tak boleh dah, kita tolak harga kodi. Pada orang lain harga tu juga 30 sen je boleh...30 sen je sehelai . Kalau nak balik jual, boleh kita bagi murah.
- A: Baju tu berapa sepasang?
- B: Harga letak 50, tetapi kalau nak sehelai kurang sikit tapi kalau nak banyak kurang banyak lagi, sebab harga niaga.
- A: Harga niaga berapa?
- B: Harga niaga kita tolak 37, kita jual sini, habis kurang 45.

Keempat-empat contoh di atas memaparkan penggunaan pola ganti nama yang berbeza. (12) dengan pola *kosong-kita-saya*, (13) dengan pola *kosong-saya*, (14) dengan pola *kita-saya* dan (15) dengan pola *kosong-kita-kosong-kita*. Kesemua pola ini mempunyai pewajarannya sendiri.

Dalam pola pertama pola ganti nama kosong¹⁰ memang jelas digunakan bagi memulakan perbualan sesuai dengan budaya Melayu. Apabila perbualan telah tiba di pertengahan dan pembeli telah mula jinak, penjual akan mula menukar pola dari kosong kepada kita¹¹. Pembeli akan merasa sebagai tetamu yang diterima di kedai tersebut. Selalunya di peringkat ini, tanda-tanda awal barangan tersebut akan dibeli mula kelihatan. Sebab itulah penjual melayan pembeli dalam suasana yang kurang formal dan mesra. Dan pada waktu ini juga penjual dan pembeli mula memancing-mancing harga sesuatu barangan.

Apabila peringkat penetapan harga bermula, pola ganti nama sekali lagi berubah. Kali ini ganti nama *saya* pula digunakan. Ganti nama *saya* mempunyai ciri formal dan rasmi. Soalannya sekarang: mengapa pertukaran pola ganti nama yang berlaku menuju ke arah perbualan yang agak kaku. Jawapannya, ialah, di sini penutur telah menekankan identifikasinya sebagai penjual. Dalam hal menentukan harga, penjual harus tegas dan berprinsip agar penjual nampak lebih serius mengendalikan perniagaannya. Di sini juga tidak akan ada ciri-ciri tolak ansur kerana bagi penjual keuntungan diutamakan.

Satu kelebihan penggunaan pola ini ialah wujudnya satu corak perbualan yang dapat diterima bersama oleh penutur yang terlibat. Masing-masing seolah-olah faham apabila hendak memulakan perbualan ganti nama kosong yang digunakan, apabila hendak mula menawar harga atau mendapatkan bahan, ganti nama kita yang digunakan, dan apabila tiba pada penetapan harga, ganti nama saya yang lebih formal digunakan. Selalunya apabila ganti nama saya digunakan harga yang ditetapkan tidak akan berubah walau lima sen sekali pun. Penggunaan ganti nama saya seolah-olah seperti penutup perbualan antara pembeli dan penjual.

Contoh (12) membuktikan penjelasan di atas. Apabila penjual mengatakan 'edah rezeki saya', pembeli terus akur dengan harga yang ditetapkan dan terus membeli barangan yang ditetapkan, seolah-olah ganti nama saya bertindak sebagai penutup pola ganti nama yang telah dipersetujui oleh pembeli yang terlibat.

Pola kedua ialah pola kosong-saya. Yang membezakan pola kosong-saya dengan pola kosong-kita-saya ialah perubahan daripada ganti nama kosong terus ke ganti nama saya.

Yang jelasnya daripada contoh (13) ialah perbualan yang berlangsung kurang menampakkan kemesraan . Pembeli menanyakan barang yang dihajati dan diteruskan dengan harga barangan tersebut. Tiada persoalan lanjut tentang mutu atau corak kain. Yang ditumpukan hanyalah pada harga dengan sedikit cubaan menawar daripada pembeli.

Dalam (13), pembeli terus menanyakan harga barang yang diinginkan, dan diikuti pula dengan harga yang ditetapkan oleh penjual. Kemudian berlaku sedikit tawar-menawar. Apabila permintaan pembeli ditolak berserta alasannya, pembeli pun mula merasa tawar hati. Di sini memang tidak ada unsur kemesraan kerana perbualan mengenai barangan yang dihajatkan tidak berlanjutan sebagaimana dalam pola yang mula-mula. Kebanyakan perbualan terhenti apabila harga sebenar diketahui.

Pola ketiga ialah pola kita-saya. Ada persamaan dan perbezaan dengan dua pola di atas. Persamaannya terletak pada penggunaan ganti nama saya di setiap penghujung perbualan. Saya akan tetap berperanan sebagai penutup perbualan dan keputusan muktamad

bagi harga yang ditetapkan. Yang berbeza ialah jika *ëkosong-sayaí* menampilkan suasana yang kurang mesra maka pola *ëkita sayaí* berlainan pula halnya. Perbezaannya terletak pada darjah kemesraan dengan kata panggilan nama, namun terselit rasa kekitaan di sini. Rasa kekitaan inilah yang akan menambat pembeli terus berurus niaga dengan penjual.

Contoh (14) ada menggunakan ungkapan *ëkalau kak nak beli yang keras ni*, boleh bagi, adalah ungkapan yang dapat melembutkan hati orang yang mendengarkannya. Ungkapan seumpama ini menjadi alasan kepada mengapa harga yang diminta oleh pembeli tidak dapat ditunaikan. Setelah menerangkan keadaan yang sebenarnya barulah penjual menetapkan harga barang yang diminta. Sekali lagi ganti nama saya bertindak sebagai ganti nama penegas harga.

Jika pola-pola di atas lebih mantap penggunaannya, ini tidak berlaku pada pola jenis keempat i.e. pola *kosong-kita-kosong-kita* seperti dalam contoh (15). Penggunaan pola ganti nama ini seolah-olah membayangkan ketidakaturan jenis perbualannya. Setelah diteliti pola ini, maka jawapan yang ditemui ialah wujudnya ketidaktentuan dalam hasrat memiliki barangan dari pihak pembeli dan tiadanya kesimpulan dari perbualan yang diujarkan. Selalunya perbualan seumpama ini tidak akan menghasilkan sesuatu yang positif seperti penetapan harga barangan atau kemantapan hasrat memiliki barangan. Cara menawar barangan dilakukan secara tidak serius dan hasilnya tiada sesuatu yang serius dicapai. Contoh dalam (15) jelas membuktikan dakwaan bahawa penggunaan ganti nama yang kerap bertukar menunjukkan minat pembeli tidak berapa mantap. Ada unsur ketidakpastian dalam membuat keputusan. Atau dengan kata yang mudah, pembeli belum dapat membuat keputusan sama ada hendak terus membeli atau sekadar membanding-bandingkan harga.

Daripada contoh yang dipaparkan, setiap penggunaan ganti nama dalam perbualan yang dirakamkan mempunyai alasan yang tersendiri. Alasan berlakunya pola ini adalah secara kebetulan tidak dapat diterima. Jika pola ini memang menjadi pola yang dapat diterima. Jika pola ini memang menjadi pola yang dapat diterima bersama oleh masyarakat yang dikaji, maka mesti ada pewajaran yang sesuai mengapa pola ini dianuti bersama. Jawapannya sekali lagi terletak pada ilmu pragmatik. Konteks yang diperoleh daripada perbualan telah memberikan maklumat tambahan pada makna ujaran yang dibincangkan.

Ilmu semantik hanya menyediakan makna di peringkat logik yang terhad kepada maklumat nahu. Maklumat tambahan yang jelas daripada ujaran mampu mengisi maklumat lompong yang ditinggalkan oleh analisis semantik. Nyatanya ilmu pragmatik bertindak sebagai pelengkap pada analisis semantik. Jadi gandingan kedua-dua ilmu ini dapat memberikan interpretasi.

KESIMPULAN

Analisis ganti nama Melayu, Sarawak dan Kelantan dengan berbantuan ilmu pragmatik telah dapat memperlihatkan penggunaan ganti nama dengan lebih komprehensif. Selain dapat menyenaraikan jenis ganti nama kedua-dua dialek ini, kertas ini juga dapat membantu kita memahami bagaimana ganti nama ini berfungsi dan beroperasi.

Analisis pragmatik telah berjaya menyelesaikan masalah kekaburan pada ganti nama, memperlihatkan adanya dwirujuk pada ganti nama tertentu dan yang menarik sekali ialah wujudnya pola-pola ganti nama yang teratur yang digunakan dalam perbualan. Analisis pragmatik telah menambah satu lagi cara menganalisis ganti nama di samping pendekatan analisis sosiolinguistik. Apa yang penting ialah kajian ganti nama dapat dianalisis dengan dua cara yang berbeza dan sekaligus menambah kepada pemahaman penggunaan ganti nama Melayu dengan lebih tuntas.

BIBLIOGRAFI

Asmah Hj. Omar 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Asmah Hj. Omar. 1991. *Bahasa Melayu Abad Ke-16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa'id Al-Nasafi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Blackmore, D. 1992. *Understanding Utterances: An Introduction to Pragmatics*, Basil Blackwell, Oxford.
- Carden, G. 1982. 'Backwards Anaphora in Discourse Context', *Journal of Linguistics* vol. 18, 361-387.
- Cornish, F. 1986-87. 'Anaphoric Pronouns: Under Linguistics Control or Signalling Particular Discourse Representations', *Journal of Semantics* vol. 5, 233-260.
- Donellan, K. 1978. 'Speaker Reference, Descriptions & Anaphora', *Syntax and Semantics* vol. 9, 47-68.
- Hudson, R.A 1987. *Sociolinguistics*, Cambridge University Press, Cambridge.
- Kempson, R.M. 1986. *Ambiguity and the Semantics and Pragmatics Distinction dalam Travis, C (pyt) Meaning and Interpretation*, Basil Blackwell, Oxford.
- Levinson, C. 1987. *Pragmatics*, Cambridge University Press, Cambridge.
- Li, N.C & Thompson, S. 1979. *Third Person Pronouns and Zero Pronouns in Chinese Pronouns*, *Syntax and Semantics* vol. 9, 311-335.
- Kitigawa, C & Lehrer, A. 1990. *Impersonal Uses of Personal Pronouns*, *Journal of Pragmatics* vol. 14, 739-759.
- Nik Safiah Karim. 1981. *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1990. 'Ganti Nama Melayu Sarawak' *Laporan Penyelidikan UKM* 9/90, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Nor Hashimah Jalaluddin. 1992. *Implikatur Bahasa Melayu*, Laporan Penyelidikan UKM. 79/92. Universiti Kebangsaan, Bangi.

Nor Hashimah Jalaluddin. 1994. *Bahasa Jual Beli Perniagaan Runcit: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*, Tesis Kedoktoran Pusat Bahasa, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Sperber, D. & Wilson, D. 1986. *Relevance Theory: Communication and Cognition*, Basil Blackwell. Oxford.

NOTA KAKI

1. Sila lihat Nor Hashimah Jalaluddin 1992, *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*.
2. Penggolongan ganti nama mengikut nahu standard adalah terlalu ringkas dan tidak menimbulkan masalah pada pembaca. Pada hakikatnya jika diteliti pada data yang dikutip di lapangan, penggolongan ganti nama Melayu adalah tidak semudah sebagaimana yang disenaraikan.
3. Contoh yang dipaparkan adalah merupakan sebahagian kecil daripada keseluruhan data sebenar yang dikutip di lapangan. Sila lihat 5 dan 6.
4. Semantik Sistem Penuh dan Teori Relevans adalah merupakan gabungan terbaik bagi analisis semantik dan pragmatik. Sila lihat artikel Nor Hashimah Jalaluddin dari 1988-1995 mengenai gabungan ilmu semantik dan pragmatik dalam *Jurnal Bahasa* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
5. Bagi perbincangan yang lebih mendalam, sila lihat Laporan Penyelidikan Nor Hashimah Jalaluddin UKM 9/90: *Ganti Nama Melayu Sarawak*.

6. Sebenarnya Laporan Penyelidikan Nor Hashimah Jalaluddin UKM 76/92: Implikatur Bahasa Melayu, bukanlah perbincangan ganti nama Kelantan yang sekomprensif ganti nama Sarawak. Ia lebih merupakan penggunaan ganti nama dalam tawar menawar perniagaan. Jadi kebanyakan ganti nama yang ditemui adalah ganti nama mufrad. Bagi melengkapkan jadual ini, bantuan penutur jati Kelantan telah digunakan.
7. Aku boleh juga digunakan pada rakan sebaya yang rapat hubungannya.
8. Sila lihat Asmah Hj. Omar 1986 bagi perbincangan mengenai ganti nama kita. Juga dalam Norhashimah Jalaluddin 1994.
9. Semantik akan memberikan bentuk logik bagi ganti nama yang digunakan. Contohnya bentuk logik bagi dia hanya ganti nama ketiga mufrad. Jadi masalah penentuan rujukan akan memaksa penggunaan ilmu pragmatik.
10. Perbincangan lanjut tentang ganti nama kosong dapat dilihat pada tesis Kedoktoran Norhashimah Jalaluddin 1994. Mengapa dan bagaimana ganti nama kosong digunakan telah dibincangkan dengan agak mendalam.